

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG
SAUNI [SIBUTI]**

NO. SOALAN : 248

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakan jumlah permohonan Projek Bina Baru rumah dan baiki rumah yang diterima dari Parlimen Sibuti dan berapakah kuota yang akan diberikan kepada Parlimen Sibuti bagi permohonan Projek Rumah Rakyat Termiskin pada tahun 2019.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak enam puluh empat (64) permohonan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) telah diterima daripada Parlimen Sibuti, Sarawak. Permohonan ini yang terbahagi kepada dua (2) iaitu tiga puluh enam (36) permohonan bantuan Bina Baharu dan dua puluh lima (25) permohonan bantuan Baik Pulih dimohon melalui pejabat daerah dan tanah Miri dan Subis.

Kementerian ini telah bekerjasama dengan Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED) bagi mendapatkan senarai permohonan PPRT daripada pejabat daerah dan tanah Sarawak. Selain itu, pihak Manred juga membantu dalam penetapan peruntukan PPRT tahun 2019 mengikut daerah setelah mendapat persetujuan daripada pihak pejabat daerah dan tanah Sarawak.

Peruntukan yang telah dipersetujui adalah sembilan (9) bantuan Bina Baharu dan empat puluh empat (44) bantuan Baik Pulih rumah bagi setiap daerah di Sarawak.